

GARIS PANDUAN UNTUK NAMA DAGANGAN PRODUK YANG DIDAFTAR DI BAWAH AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

1.0 Tujuan

Memperkemaskan pelaksanaan arahan-arahan dan peraturan-peraturan berhubung dengan nama dagangan produk racun perosak yang didaftarkan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974

2.0 Panduan

2.1 Tatacara Menamakan

- 2.1.1 Penggunaan nama dagangan yang sama bagi mana-mana produk adalah tidak dibenarkan, tidak kira sama ada ianya didaftar oleh syarikat yang sama atau berlainan. Ini termasuk tidak membenarkan satu lagi syarikat lain menggunakan nama dagangan yang sama walaupun dengan adanya surat kebenaran daripada syarikat berkenaan.
- 2.1.2 Sebarang nama dagangan sama ada sebahagian ataupun keseluruhannya yang boleh dikaitkan dengan nilai komersial, keselamatan racun perosak, alam sekitar ataupun nilai sosio budaya masyarakat tempatan adalah tidak dibenarkan. Ini termasuk perkataan-perkataan superlatif atau yang boleh membawa erti pada keunggulan sesuatu produk sama ada dalam bentuk bunyi ataupun sebaliknya. Beberapa contoh berhubung dengan keperluan perkara 2.1.2 adalah sepertimana tercatat dalam **Lampiran A**.
- 2.1.3 Angka atau nombor bebas digunakan melainkan sebahagian nama dagangan itu mempunyai nama bahan aktif atau penggunaan perumusan sebagai nama dagangan, maka angka mesti sama dengan % W/W.
- 2.1.4 Produk yang menggunakan nama bahan aktif sebagai nama dagangan mestilah menambah perkataan awalan. Antara perkataan awalan yang disyorkan ialah nama syarikat yang mendaftar, singkatan nama syarikat yang mendaftar ataupun tanda perniagaan yang digunakan. Sekiranya singkatan nama syarikat hendak digunakan sebagai perkataan awalan, ia hendaklah mematuhi perkara 2.1.2.
- 2.1.5 Singkatan untuk perumusan seperti (SP, EC, ES dan sebagainya) tidak dibenarkan penggunaannya kecuali perumusannya adalah sama dengan singkatan itu

- 2.1.6 Sekiranya ungkapan atau perkataan itu sama ada sebahagian ataupun keseluruhannya yang boleh dikaitkan dengan nilai komersial, keselamatan racun perosak, alam sekitar ataupun nilai sosio budaya masyarakat tempatan ataupun perkataan-perkataan superlatif seperti perkara 2.1.2, dan apabila digabungkan dengan ungkapan lain menjadi satu nama dagangan, maka nama itu adalah tidak dibenarkan. Tetapi jika gabungan nama itu mempunyai maksud yang tidak melanggar perkara 2.1.2, setelah dirujuk dalam kamus, maka ia adalah dibenarkan. Contohnya: **PROCLAIM**, **PROTECT**, **BLACKTOP**
- 2.1.7 Penggunaan tanda perniagaan “trademark” sebagai nama dagangan adalah dibenarkan dengan syarat ia dapat mematuhi perkara 2.1.2 dan penggunaan negara asal tidak dibenarkan dicetak pada label melainkan negara Malaysia. Contoh:
®Trademark of Xyz (Malaysia) Sdn. Bhd.(dibenarkan)
®Trademark of Xyz (Japan, Germany) (tidak dibenarkan)
- 2.1.8 Nama khas produk yang terkenal bagi komoditi lain, tidak dibenar untuk didaftarkan sebagai nama dagangan racun perosak.
- 2.1.9 Semua pendaftaran racun perosak teknikal sedia ada yang mendaftar nama dagangan yang sama dikehendaki menambah perkataan awalan. Perkataan awalan hendaklah mematuhi perkara 2.1.4.
- 2.1.10 Sebarang nama dagangan yang berkaitan dengan peperangan, keganasan dan kepahlawanan adalah tidak dibenarkan. Contoh: **JET**, **BOMB**, **BAZOOKA**, **NINJA**, **PENDEKAR**, **SILAT SERANG**, **RAID**, **DESTROY** dan sebagainya.
- 2.1.11 Pihak Lembaga adalah berhak untuk menolak sebarang nama dagangan yang dianggap tidak sesuai untuk didaftarkan dari semasa ke semasa jika difikirkan perlu.

2.2 Nama Naungan

- 2.2.1 Pengawalan nama naungan atau cap dagangan ataupun tanda dagangan sama ada dipaten atau didaftar dengan mana-mana pihak berkuasa sama ada di dalam negeri ataupun peringkat antarabangsa adalah di luar bidang kuasa Lembaga dan pihak Lembaga tidak terikat pada mana-mana kehendak pihak berkuasa berkaitan.
- 2.2.2 Walau bagaimanapun, sekiranya masih ingin mencadangkan satu-satu tanda nama sebagai nama naungan atau cap dagangan ataupun tanda dagangan yang dimaksudkan, pihak yang mendaftar dikehendaki memaklumkan secara bertulis untuk

diberi pertimbangan sebelum ianya dibenarkan. Tanda nama berkenaan perlu terlebih dahulu mematuhi kehendak perkara 2.1. Satu salinan akuan dari Pejabat Pendaftar berhubung dengan pendaftaran tanda nama tersebut adalah diperlukan.

2.3 Bentuk dan Corak Cetakan

- 2.3.1 Nama dagangan bagi satu-satu produk mesti dicetak dengan terang dan jelas. Ia perlulah sama dengan nama dagangan yang diwartakan dan dinyatakan dalam sijil pendaftaran.
- 2.3.2 Nama dagangan hendaklah dicetak dengan menggunakan jenis dan saiz huruf yang sama besar. Sekiranya saiz huruf berlainan, perbezaan saiz dari segi ketinggiannya mestilah tidak lebih dari 30 %.
- 2.3.3 Kesemua huruf pada nama dagangan perlu dicetak dalam warna dan kepekatan yang sama.
- 2.3.4 Sebarang reka bentuk atau penanda pada nama dagangan, termasuk warna latar belakangnya hendaklah sama serta diseragamkan bagi semua huruf.
- 2.3.5 Sekiranya nama dagangan mengandungi lebih dari satu perkataan, kedudukan cetakan mestilah tidak terlalu jauh.

3.0 Maklumat lain

- 3.1 Semua Garis Panduan untuk nama dagangan ini adalah berkuatkuasa bagi **permohonan baru sahaja**. Walau bagaimanapun bagi **pendaftaran semula, hanya perkara 2.19 dan 2.3 dalam garis panduan ini** perlu dipatuhi.
- 3.2 Penggunaan nama dagangan dalam versi bahasa tempatan lain sebagai bahasa tambahan adalah tidak dibenarkan.
- 3.3 Walau apa juga tatacara yang dinyatakan, Lembaga berhak dan boleh menetapkan kehendak-kehendak tambahan atau sebaliknya.

4.0 Tarikh berkuatkuasa

Garis Panduan Untuk Nama Dagangan ini mula berkuatkuasa pada 15 Ogos 2005 maka dengan itu, Garis Panduan Untuk Nama Dagangan 2003 dibatalkan.

Lampiran A

Antara beberapa contoh perkataan yang tidak dibenarkan sebagai sebahagian daripada nama dagangan ataupun sebaliknya

ACE; S;	EXTREME; XTREME	PLUS; PLAS
BAGUS	GREEN; GREEN LABEL	PANTAS
BEST; BEZ; BES	HAPUS	POWER
CHAMPION	JUARA	RAJA
CEKAP	JAGUH	SAFE
DOUBLE	KING	SMART
EKO; ECO	K.O	SPECIAL; STAR
ELITE	KUASA	SUPER; GOLD
EXCEL	KUAT; QUAT	SUREMAX
EXTRA	MAX	ULTRA
FAST; FAS;	TOP	WIRA; Satria
EXCELLENCE	PRO	ARSENAL; PROTON
PROFIT	NATURAL; SEMULAJADI	ABADI
BIO	ENERGY	KILL; KILLER
NO. 1	ZAP	ASLI; ORI; ORIGINAL
FLORA; FAUNA	ENVIRO	HERO